

# Pembaharuan khidmat awam dilaksanakan sepanjang bulan ini

PM tegaskan semua pihak perlu tingkat kecekapan pada tahap 95 peratus

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Pergerakan dan 'reform' atau pembaharuan yang lebih besar dalam kalangan kakitangan awam akan dilaksanakan sepanjang bulan ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, semua pihak dalam perkhidmatan awam kini perlu berusaha untuk meningkatkan kecekapan ke tahap 95 peratus.

Untuk itu, tegasnya, semua penjawat awam perlu melakukan yang terbaik dalam membawa perubahan ke arah kebaikan dan tidak sekadar kekal pada tahap sederhana.

"Kalau kita kata tahap kecekapan, hasil baik tetapi adakah itu maksimum atau boleh diperbaiki? Tahap kecekapan naik daripada 70 sampai 85 peratus, mengapa tidak 95 peratus?"

"Kaedah fahaman kita dalam tuntutan Islam itu sendiri, ia tidak pernah mahu manusia kekal pada tahap sederhana kerana

umat yang sederhana, seimbang, bukan bermakna 'average'.

"Sederhana itu sikap tidak keras, tidak melampau, tidak menghukum, tetapi kesederhanaan itu menuntut yang terbaik," katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM), semalam.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof; Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar; dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said; dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

Anwar turut mengarahkan langkah 'reform' yang dirancang dalam pentadbiran awam dilaksanakan dengan segera bagi memastikan semua usaha dapat berjalan dengan lebih berkesan.

Mengakui masih ada yang belum memuaskan, Perdana Menteri berkata, beliau akan berbincang dengan Shamsul Azri dan Wan Ahmad Dahlan mengenai langkah yang boleh diambil untuk memperbaiki prestasi.

"Penggabungan agensi dan jabatan, itu belum berlaku dengan memuaskan, pertindihan perjawatan, kadang-kadang yang ku-



Anwar berucap pada majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam. Turut hadir Ahmad Zahid dan Fadillah. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

rang perlu itu belum di tingkat yang memuaskan.

"Laporan daripada ketua jabatan, ketua pengarah, ketua unit mengenai kelembapan, kecuaiannya beberapa pegawai, itu pun belum di tahap memuaskan," katanya.

Anwar berkata, semua perubahan itu harus dilakukan segera supaya anjakan ke arah lebih baik dapat dilaksanakan sebaiknya.

Jelasnya, MADANI menuntut semua perkhidmatan awam melihat kepada kerangka lebih besar termasuk tumpuan terhadap tatakelola, pemacuan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

"Ini kalau saudara lihat um-

pamanya masalah rakyat, kecekapan kita menjawab surat tuntutan mereka sama ada boleh tak boleh, langkah prosedur mereka harus patuhi, itu semua harus kita cari kaedah baharu.

"Saya selalu menganggap tahap kecekapan, kepantasan melakukan perubahan itu harus seimbang dengan tuntutan zaman dan masa," katanya.

## Beri kerjasama kepada KSN

Sementara itu, Perdana Menteri meminta semua penjawat awam memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Shamsul Azri yang dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara baharu sejak 12

Ogos lalu.

Katanya, beliau percaya Shamsul Azri akan bekerja dengan semangat satu pasukan bersama penjawat awam bagi menaikkan lagi prestasi perkhidmatan serta memenuhi harapan rakyat.

"Saya juga menyeru rakan-rakan, seperti (Ketua Setiausaha Negara) terdahulu, beri kerjasama sepenuhnya, keputusan sudah dibuat, keputusan apa pun termasuk pelantikan Perdana Menteri bukan bermakna ia keputusan terbaik, tetapi sudah dibuat.

"Jadi sudah ada keputusan, ada tekad, ada amanah besar untuk kita laksanakan dan tawakal," katanya.